

Rekod komunikasi Pulau Batu Puteh antara dorongan ke ICJ

Bukan milik Singapura

Oleh SYUKRI SHAARI

pengarang@ulitusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 6 FEB.

PENEMUAN rekod komunikasi antara pemimpin tertinggi British pada lewat 1950-an yang menyatakan Pulau Batu Puteh bukan milik Singapura dipercayai salah satu faktor mendorong Malaysia memohon semakan semula dalam kes tuntutan bertindih terhadap pulau tersebut.

Timbalan Pengarah Institut Pengajian Malaysia dan Antarabangsa (Ikmas), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sufian Jusoh (gambar) mendakwa, Singapura juga mengetahui mengenai rekod komunikasi tersebut tetapi mereka menyembunyikannya selama ini.

Sehubungan itu, beliau yang juga pakar undang-undang antarabangsa

percaya Malaysia mempunyai peluang cerah dalam proses semakan semula keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) tersebut.

"Rekod membabitkan pemimpin tinggi British di Singapura ketika itu secara ringkasnya menyatakan bahawa Pulau Batu Puteh bukan milik Singapura. Ini merupakan bukti yang tidak pernah diketahui oleh Malaysia selama ini.

"Sekiranya Singapura tiada dokumen sokongan lain untuk 'melawan' bukti baharu dikemukakan Malaysia ini, dipercayai keputusan yang sangat positif akan memihak kepada negara," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Jumaat lalu, Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali memberitahu, kerajaan telah memfailkan permohonan sama-

Pulau Batu Puteh: Malaysia berpeluang

Bukti sejarah yang tidak boleh ditakar bahawa Pulau Batu Puteh berada dalam wilayah Malaysia beri peluang cerah kepada Malaysia dalam proses semakan semula keputusan ICJ pada 2008.

Tiga dokumen ditemukan di National Archives of the United Kingdom diharap dapat mengubah keputusan sebelum ini.

Sebagai contoh, kes kuli purba Prah Vihar, memutuskan kuli jetak dalam Kabinet dan bukti tidak ikal

"Kita boleh tiru cara ini kerana apa lagi yang kita ada kalau tidak bergantung kepada bukti sejarah, secara keseluruhan saya menyokong pemih usaha kerajaan yang diketuai oleh Peguam Negara."

DR. SUFIAN JUSSH, TIMBALAN PENGARAH IKMAS, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



KERATAN Utusan Malaysia semalam.

kan keputusan ICJ dalam kes tuntutan Pulau Batu Puteh.

Mohamed Apandi berkata, permohonan tersebut difailkan di ICJ di The Hague, Belanda selepas penemuan fakta baharu yang boleh memberi kesan terhadap keputusan sebelum ini yang memihak kepada Singapura.

Mengulas lanjut, Sufian menjelaskan, sekiranya keputusan

memihak kepada Malaysia, sudah tentu ia akan memberi kesan kepada Singapura khususnya di Zon Ekonomi Eksklusif negara itu.

Katanya, ketika ini, Singapura menikmati Zon Ekonomi Eksklusif yang terletak kira-kira 200 batu nautika dari pantai negara itu disebabkan oleh pemilikan Pulau Batu Puteh.

"Sekiranya diputuskan Pulau Batu Puteh bukan milik Singapura, sudah tentu memberi kesan terhadap Zon Ekonomi Eksklusif dinikmati mereka memandangkan jarak persempadanan negara itu kembali kepada 12 batu nautika dari pantai berbanding 200 batu nautika ketika ini," jelas beliau.

Dalam pada itu, Pesyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Profesor Madya Dr. Mohd. Hisham Mohd. Kamal berkata, Ma-

laysia cukup yakin dengan bukti yang dikemukakan kepada ICJ berhubung kes tersebut.

"Kos yang diperlukan untuk membawa semula kes ini bukan sedikit, manakala masa yang diperlukan juga bukannya pendek. Apabila Malaysia tampil mengemukakan fakta baharu, sudah mesti ada bukti yang kukuh," ujarnya.

Dengan kerjasama:



Miliki jalur lebar tanpa had dari